

SPEKIFIKASI TEKNIKAL

SEBUTHARGA BIL.15/2022 :

**PERKHIDMATAN PENILAIAN KREDIT (CREDIT RATING ASSESSMENT)
BAGI ALUMNI ENTERPRIS 50 (E50) SME CORP. MALAYSIA TAHUN 2022**

1. OBJEKTIF

- 1.1 Program Enterpris 50 (E50) merupakan inisiatif SME Corp. Malaysia bagi mengiktiraf pencapaian PKS serta memberi bantuan dan sokongan untuk meningkatkan operasi, pemasaran serta daya saing PKS di pasaran tempatan serta antarabangsa. Sebanyak 50 pemenang akan dipilih daripada pencalonan yang diterima mengikut kriteria kelayakan yang dinilai berdasarkan keupayaan kewangan serta kecekapan operasi dan pengurusan.
- 1.2 Salah satu kaedah bagi menilai keupayaan kewangan dan kecekapan perniagaan PKS adalah melalui penilaian kredit (*credit rating assessment*). Penarafan kredit yang dilakukan oleh sesebuah syarikat penilaian bebas, yang boleh dipercayai dan berwibawa, akan meningkatkan kredibiliti PKS yang dinilai dan seterusnya memprofilkan (*profiling*) PKS tersebut kepada bank, Institusi Kewangan serta para pelabur yang berpotensi. Inisiatif ini akan turut meningkatkan akses kepada sumber pembiayaan dengan lebih berkesan serta menambah baik syarat pembiayaan sesebuah PKS.
- 1.3 Objektif sebutarga ini adalah untuk menyediakan penarafan kredit bagi PKS yang juga merupakan Alumni bagi Program E50.

2. SKOP PERKHIDMATAN

- 2.1 Melaksanakan penilaian penarafan kredit yang komprehensif bagi sehingga 100 PKS Alumni E50;
- 2.2 Melaksanakan aktiviti-aktiviti kesedaran bagi memperkenalkan Perkhidmatan Penilaian Penarafan Kredit kepada Alumni E50;

- 2.3 Memupuk kesedaran kepada PKS tentang kepentingan penarafan kredit dan faedahnya;
- 2.4 Bertanggungjawab sepenuhnya untuk mendapatkan penyertaan serta penglibatan PKS semasa keseluruhan proses penilaian penarafan kredit dilaksanakan;
- 2.5 Membantu SME Corp. Malaysia untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti kesedaran awam serta capaian bagi Program E50 di seluruh negara;
- 2.6 Membantu PKS menghebahkan penarafan kredit mereka melalui saluran dalam talian;
- 2.7 Memudahkan PKS memperolehi akses kepada pembiayaan melalui Laporan Penilaian Penarafan Kredit;
- 2.8 Tempoh projek ialah enam (6) bulan, bermula dari Sept 2022-Feb 2023;
- 2.9 Penyebutharga perlu menyediakan dokumentasi dan laporan kepada SME Corp. Malaysia seperti berikut:
 - a) Laporan keseluruhan program ini termasuk informasi serta *database* yang merangkumi profil syarikat, jumlah PKS yang diberi pengiktifan kredit, penilaian kredit, sebab-sebab PKS yang tidak layak diberi penilaian; dan
 - b) Lain-lain dokumentasi dan maklumat yang bersesuaian dengan projek ini.

3. SYARAT-SYARAT PEMBAYARAN

- 3.1 Kontrak Sebut Harga ini adalah bagi tempoh 6 bulan dari tarikh dilantik oleh SME Corp. Malaysia.
- 3.2 Bayaran dibuat berdasarkan kemajuan pelaksanaan projek mengikut jadual pembayaran yang dipersetujui.

- 3.3 Bayaran akan dibuat setelah pihak SME Corp. Malaysia berpuas hati dengan perkhidmatan yang disediakan dan setelah menerima Inbois serta dokumen berkaitan daripada pembekal.

4. SYARAT-SYARAT LAIN

- 4.1 Penyebutharga mesti dilesenkan dan didaftarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) sebagai agensi penarafan kredit. Penyebutharga juga mesti diiktiraf oleh Bank Negara Malaysia sebagai *External Credit Assessment Institutions* (ECAIs).
- 4.2 Penyebutharga hendaklah mempunyai pengalaman dan keupayaan yang luas, pernah melaksanakan program / projek yang hampir sama anjuran SME Corp. Malaysia atau Agensi / Syarikat lain dan merekodkan prestasi / kerjasama baik dengan SME Corp. Malaysia.
- 4.3 Berupaya untuk melaksanakan projek dalam jangkamasa **6 bulan** selepas dilantik oleh SME Corp. Malaysia.
- 4.4 Pihak SME Corp. Malaysia berhak menamatkan kontrak yang diberi kepada pembekal pada bila-bila masa sekiranya pembekal:
- i) Tidak memenuhi Skop Kerja yang telah dipersetujui;
 - ii) Tidak memenuhi Kualiti dan Spesifikasi Kerja;
 - iii) Tidak mematuhi Jadual Pelaksanaan yang ditetapkan.
- 4.5 Sekiranya pembekal gagal melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh dan/atau kualiti yang ditetapkan, SME Corp. Malaysia berhak membatalkan pesanan yang dikeluarkan dan/atau mengenakan Liquidated & Ascertained Damages (LAD) berdasarkan formula berikut:
- $$(BLR + 1\%) \times (\text{Nilai Kontrak} / 365) \times (\text{bilangan hari item lewat})$$
- 4.6 Penyebutharga perlu memberi jaminan kepada SME Corp. Malaysia bahawa semua item yang dibekalkan adalah bukan dipinjam, diciplak dan tidak melanggar paten atau hak cipta harta intelek pihak lain. Justeru, penyebutharga hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya dan melindungi SME Corp. Malaysia dari apa jua tindakan dari pihak ketiga sekiranya terjadi apa-apa tuntutan daripada pelanggaran paten dan hak cipta harta intelek. Pengesahan ASLI & SAH perlu ada.

4.7 Pemilihan penyebutharga akan dibuat berdasarkan pematuhan kepada semua kriteria yang ditetapkan di jadual pematuhan di bawah.

BIL.	BUTIR-BUTIR KERJA	PEMATUHAN (Sila \checkmark atau x)	CATATAN
1	Melaksanakan Penilaian Penarafan Kredit yang Komprehensif bagi sehingga 100 PKS Alumni E50		
	<ul style="list-style-type: none"> i) Penyebutharga hendaklah menyediakan Penilaian Penarafan Kredit dengan mengambilkira prestasi industri, perniagaan dan kewangan PKS serta membuat perbandingan dengan rakan setaranya (<i>peers</i>) dalam industri yang sama atau serupa; ii) Metodologi yang digunakan untuk membuat penilaian mestilah kukuh, mantap dan telah digunapakai oleh Penyebutharga sekurang-kurangnya selama tempoh 25 tahun; iii) Rangka kerja dan metodologi penarafan Penyebutharga adalah telus dan mudah diakses dalam talian; iv) Penilaian kredit mestilah berbentuk laporan secara bertulis yang ringkas dan padat, dimana setiap bahagian memperincikan penemuan kekuatan dan risiko utama PKS, penilaian industri, penilaian perniagaan dan prestasi kewangan serta perbandingan rakan setaranya (<i>peers</i>); v) Penilaian penarafan kredit mesti diringkaskan sebagai gred penarafan antara gred 'aaa' hingga 'c', yang mudah difahami dan diterima oleh pelabur pasaran; vi) Penilaian penarafan kredit mesti dilakukan oleh penganalisis yang berpengalaman dimana penilaian analitikal mestilah mendalam dan melebihi skor kredit yang dijana melalui komputer untuk penilaian portfolio; vii) Proses penarafan memerlukan saringan pelbagai peringkat untuk memastikan objektiviti penilaian yang diberikan; viii) Masa penyelesaian untuk setiap laporan penarafan kredit tidak boleh melebihi sepuluh (10) hari bekerja; ix) Laporan penarafan kredit mesti dihantar melalui e-mel kepada PKS dan SME Corp. Malaysia. Sekurang-kurangnya lima (5) hari bekerja akan diberikan kepada PKS untuk mengulas kandungan fakta laporan yang 		

BIL.	BUTIR-BUTIR KERJA	PEMATUHAN (Sila √ atau x)	CATATAN
	disediakan. Ketidaktepatan fakta dalam laporan mesti dipinda.		
2	Melaksanakan aktiviti-aktiviti kesedaran dan capaian bagi Alumni E50 dan bertanggungjawab sepenuhnya untuk mendapatkan penyertaan serta penglibatan PKS semasa keseluruhan proses penilaian penarafan kredit dilaksanakan		
	<ul style="list-style-type: none"> i) Penyebutharga perlu menyediakan bahan-bahan latihan atau bahan-bahan kesedaran awam (secara <i>hardcopy</i> dan <i>softcopy</i>) yang jelas bagi menerangkan berkenaan metodologi penarafan kredit, prosesnya dan lain-lain perkara yang berkaitan kepada PKS; ii) Penyebutharga hendaklah mengambil bahagian di dalam <i>roadshow</i>, webinar, bengkel dan lain-lain aktiviti yang bersesuaian anjuran SME Corp. Malaysia; iii) Penyebutharga hendaklah menghubungi PKS untuk memberi kesedaran / maklumat berkenaan perkhidmatan yang ditawarkan serta mendapatkan penyertaan PKS di dalam inisiatif ini; iv) Penyebutharga hendaklah menyediakan maklumat bertulis yang jelas kepada PKS berkenaan penilaian penarafan kredit yang dilaksanakan. Penjelasan, jika perlu, boleh dilakukan melalui e-mel, telefon atau perbincangan lanjut; v) Penyebutharga hendaklah membuat susulan (<i>follow up</i>) terhadap PKS yang menangguhkan penyerahan maklumbalas serta memberikan penjelasan tentang keperluan maklumat dari PKS, jika perlu. 		
3	Penghebahan penarafan kredit dan Memprofilkan Alumni E50		
	<p>Penyebutharga hendaklah memprofilkan PKS dengan cara menghebahkan penarafan kredit mereka melalui siaran akhbar di laman sesawang, platform media sosial dan mana-mana saluran dalam talian yang bersesuaian.</p> <p>Salinan laporan penarafan kredit dan siaran akhbar perlu dikongsikan kepada PKS dan SME Corp. Malaysia.</p>		
4	Memudahkan akses PKS kepada pembiayaan melalui Laporan Penilaian Penarafan Kredit		
	Penyebutharga perlu mendapatkan persetujuan dari rakan-rakan strategik yang terdiri dari pihak bank, bagi menerima pakai penilaian penarafan kredit untuk memudahkan		

BIL.	BUTIR-BUTIR KERJA	PEMATUHAN (Sila \checkmark atau x)	CATATAN
	kelulusan pembiayaan dan mengurangkan dokumentasi serta semakan lanjut ke atas PKS yang dinilai.		
5	Pemantauan dan Pelaporan		
	<p>i) Penyebutharga hendaklah menyediakan laporan bulanan kepada SME Corp. Malaysia mengenai bilangan penarafan yang telah selesai dan yang belum selesai, penarafan yang diperuntukkan kepada PKS, yuran yang perlu diinbois, dibayar dan tertunggak serta status aktiviti-aktiviti kesedaran dan aktiviti-aktiviti lain yang berkaitan;</p> <p>ii) Sebelum tamat tempoh projek, Penyebutharga akan melaksanakan <i>post evaluation</i> bersama SME Corp. Malaysia bagi mengenal pasti penambahbaikan yang perlu dilaksanakan.</p>		
6	Perkhidmatan Yang Mempunyai Nilai Tambah		
	<p>i) Penyebutharga hendaklah memulakan perbincangan dengan rakan-rakan strategik yang terdiri dari pihak bank dan pembiaya tentang cara bagi mempertingkatkan nilai tambah dan faedah program E50 kepada PKS dan SME Corp. Malaysia;</p> <p>ii) Penyebutharga hendaklah melibatkan diri atau berkongsi maklumat dengan PKS tentang program-program berinformasi; sebagai contoh: Tinjauan PKS, prestasi rakan industri, kajian sektor, taklimat ekonomi, menyediakan peluang untuk <i>network</i> bersama Persatuan PKS dan lain-lain perkara yang dapat memberi faedah kepada pembangunan PKS;</p> <p>iii) Penyebutharga perlu bekerjasama dengan SME Corp. Malaysia bagi mendapatkan persetujuan (<i>consent</i>) dari setiap PKS untuk berkongsikan Laporan Penilaian Penarafan Kredit yang lengkap dan komprehensif</p>		

SILA PASTIKAN SEMUA RUANGAN TELAH DITANDAKAN (\checkmark / x) BESERTA CATATAN SEBAGAI TANDA BAHAWA PENYEBUTHARGA BERSETUJU UNTUK MEMENUHI SPESIFIKASI YANG DINYATAKAN)

NOTA PENTING:

1. Penyebutharga bertanggungjawab untuk memastikan bahawa Penyebutharga berkemampuan melaksanakan perubahan / pindaan yang berkaitan dengan skop kerja berdasarkan arahan SME Corp. Malaysia dari semasa ke semasa. Kegagalan Penyebutharga untuk memenuhi mana-mana skop kerja yang dipersetujui dan ditetapkan akan menjejaskan proses pembayaran kepada Penyebutharga setelah program / projek selesai.

2. Penyebutharga hanya dibenarkan berurusan dengan pegawai SME Corp. yang bertanggungjawab dengan urusan kerja / peranan Penyebutharga sepanjang tempoh program / projek. Ini bagi mengelakkan kekeliruan / ketidaktentuan dalam proses menguruskan serta melaksanakan sesuatu perkara / urusan selaras dengan arahan yang diberikan oleh SME Corp. Malaysia.
3. Penyebutharga perlu bekerjasama dengan semua pihak yang dilantik oleh SME Corp. Malaysia sepanjang program / projek latihan berlangsung.

* sila nyatakan di ruangan ini jika terdapat maklumat tambahan berkaitan tawaran yang dikemukakan atau kemukakan atau kemukakan kertas cadangan tambahan jika ruang tidak mencukupi.

Saya / Kami memperakui maklumat yang diberikan adalah benar.

.....
Nama :
Jawatan :
Tarikh :
Cop Syarikat :